

Bukti konsep kerjasama berjaya — PM

UM 1 APR 2002

KUALA LUMPUR 31 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Ketari hari ini adalah bukti kejayaan konsep kerjasama antara parti-parti komponennya.

Katanya, perkara itu terbukti apabila pengundi dan pekerja RN tidak mengambil kira anggota parti komponen mana dan daripada kaum mana yang bertanding.

"Apabila kita berusaha, kita berusaha untuk menayakan BN, tidak ambil kira keturunan calon atau parti mana dia menjadi anggota," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata demikian dalam sidang video dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berada di Dewan Majlis Daerah Bentong, yang disiarkan secara langsung oleh RTM, malam ini.

Dalam pilihan raya kecil tersebut calon BN, Yum Ah Ha memperoleh 7,153 undi manakala Choong Siew Onn daripada DAP memperoleh 4,949 undi.

Dr. Mahathir juga menyifatkan kejayaan BN itu telah membuktikan bahawa parti tersebut terus mendapat sokongan rakyat.

Katanya, kejayaan Ah Ha yang memperoleh majoriti 2,204 undi telah menunjukkan bahawa rakyat pada pilihan raya umum 1999 bukannya tidak yakin dengan BN, tetapi mungkin kerana salah faham terhadap BN.

Pada tahun 1999, calon BN, Datuk Loke Koon Kam memenangi kerusi Ketari mengalahkan Siew Onn dengan majoriti 231 undi.

"Saya mengucapkan tahniah kepada semua jentera BN dan Ah Ha yang telah berusaha untuk mencatatkan kejayaan cemerlang ini," katanya di kediaman rasminya di Putrajaya.

Dr. Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada

Abdullah yang memimpin kempen pilihan raya BN yang disertai pekerja-pekerja dari semua parti komponen termasuk daripada pergerakan Pemuda dan Wanita serta Puteri UMNO.

"Ini menunjukkan bahawa apabila kita berusaha betul-betul, kita akan mendapat kejayaan. Yang menjadi masalah kadang-kadang kerana kurang usaha, kurang turun ke padang.

"Jadi kali ini kita telah membuktikan bahawa usaha mendampingi rakyat adalah penting bagi mencapai kejayaan," katanya.


Dr. Mahathir juga memuji anggota-anggota polis, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan semua pihak yang terlibat menguruskan pilihan raya itu dengan baik.

Katanya, tidak ada insiden seperti yang berlaku pada pilihan raya kecil di Lumas pada November 2000 apabila cara-cara kasar telah digunakan oleh parti lawan untuk menyekat peker-

PILIHAN RAYA KECIL

KETARI

31 MAC 2002



N.29 Ketari



YUM AH HA



CHOONG SIEW ONN

JUMLAH PEMILIH (17,144)

Bina : 9,228 (53.83%) Melayu : 6,706 (39.12%)
 India : 893 (5.21%) Orang Asli : 223 (~1.13%)
 Bumiputera Sarawak: 25 (0.15%)
 Bumiputera Sabah : 11 (0.06%)
 Lain-Lain: 57 (0.33%)

PEWANDANG:

tlendiang Datuk Loke Koon Kam (BN)
 flajoriti : 231 undi

PEPUTUSAN:

Yum Ah Ha (BN) : 7,153
 Choong Siew Onn (DAP) : 4,949
 Majoriti : 2,204
 Undi rosak : 149
 Peratus mengundi : 71.48

ja BN daripada menjalankan tugas mereka.

"Pengurusan pilihan raya ini adalah bukti bahawa di Malaysia demokrasi berjalan dengan baik dan tidak ada sekatan kepada sesiapa yang ingin mengundi wa-

laupun mereka mengundi parti pembangkang.

"Kita memberi peluang secukupnya kepada sesiapa sahaja untuk berkempen asalkan tidak menggunakan kekerasan. Inilah cara kita di Malaysia," katanya.